



BULETIN NADI HAYAT



Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat
Chan Yen Mii
David Dominicus
Jack Richie Lee
Jessica Yampai
Lynceia Bonar
Bartholemew G. Lee
Normie E. Surin
Clarice Jariman
Ag. Ramlan Ag. Murshid
Nooraini Armando
Fredolin Andrew Sipail
Ricaldo Geonan Majutin



MAKAN MALAM TAHUNAN HOSPITAL TUARAN

Makan Malam ini merupakan kali kedua yang telah diadakan. Majlis ini telah terbuka kepada warga hospital termasuklah Sedafiat, ahli Sukarelawan Hospital dan bekas staf Hospital Tuaran. Kali ini, makan malam telah diadakan di Hotel Sky, Kota Kinabalu pada 10 Disember 2022. Antara tujuan utama makan malam ini diadakan adalah untuk merapatkan silaturahim antara staf tanpa mengira pangkat. Seramai 100 warga hospital yang berkesempatan untuk bersama-sama memeriahkan majlis ini yang bertemakan *Hawaiian Night*. Antara aktiviti yang diadakan secara santai adalah seperti Pakaian Terbaik, Tetamu sporting, Cabutan Bertuah dan karaoke terbuka.



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran


Karoling Komiti Kristian Hospital Tuaran

Aktiviti tahun ini dapat dilakukan dengan sederhana tapi meriah. Karoling dinyanyikan di kawasan umum tempat pelawat untuk menunggu seperti di Jabatan Pesakit Luar, Klinik Pergigian, Unit Hemodialisis, Wad Melur, Unit Pengurusan, Lobi Utama dan Unit Radiologi. Seramai 25 orang staf yang telah bersama-sama untuk memeriah karoling yang diadakan pada 16 Disember 2022.



JURNAL

Jurnal merupakan terbitan atau majalah berkala yg khusus bagi sesuatu perkara, profesion, atau bidang tertentu (DBP). Terbitan jurnal pada lazimnya mengandungi artikel-artikel yang ditulis oleh seseorang yang mahir dalam sesuatu bidang termasuklah dalam bidang perubatan. Dengan adanya penerbitan jurnal ini akan memberi ruang dan tempat kepada penulis untuk berkongsi mengenai penyelidikan beliau dan bertukar-tukar pengetahuan dengan penyelidik atau penulis yang lain. Jurnal ini boleh diterbitkan secara fizikal dan juga melalui atas talian. Perpustakaan Hospital Tuaran juga turut menyimpan jurnal perubatan yang diterbitkan oleh agensi-agensi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jurnal ini tidak terhad kepada bidang perubatan semata-mata tetapi termasuk juga perkongsian pengurusan perubatan. Antara koleksi jurnal yang ada di perpustakaan ini adalah seperti berikut:



KKM turut melanggan jurnal secara atas talian dan disediakan secara percuma kepada warga KKM. Jurnal ini boleh diakses melalui laman sesawang <https://vlib.ovid.com> dan pendaftaran adalah secara percuma dengan menggunakan alamat emel 1GovUC (boleh berhubung dengan unit perpustakaan). Antara langganan adalah ClinicalKey for Nursing, Emerald Insight dan Ovid.



JOM IKRAR DERMA ORGAN

ADAKAH ANDA TELAH MENDAFTAR SEBAGAI PENGIKAR DERMA ORGAN?

JOM DAFTAR SEKARANG MENERUSI APLIKASI MYSEJAHTERA

DERMA ORGAN



A Gift of Life
Kota Kinabalu

KENALI BAHASA TEMPATAN
MELAYU - KADAZAN - BAJAU - INGERIS

MATA	MATO	MOTO	EYE
HIDUNG	TODUNG	URUNG	NOSE
TELINGA	TOHINGO	TELINGO	EAR
LIDAH	DIHA'	DELA'	TONGUE
KULIT	KUHIT	KULIT	SKIN

PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
OKTOBER	8,741
NOVEMBER	9,351
DISEMBER	8,387
JUMLAH	26,479

BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
OKTOBER	85
NOVEMBER	52
DISEMBER	47
JUMLAH	184

TOKOH BULANAN 2022

OKTOBER	NOVEMBER
 Fredolin Andrew Sipail Unit Teknologi Maklumat	 Susanti Yosep Unit Radiologi

Sumber: En. Suddy Amin, PT, Unit Rekod Perubatan

BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD (KATIL)	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
PEREMPUAN (20)	109.52%	99.33%	101.29%
LELAKI (20)	102.26%	118.17%	111.77%
BERSALIN (16)	58.87%	45.21%	31.65%
PEDIATRIK (26)	92.43%	86.15%	77.79%

Sumber: En. Irwandi Abdullah, PPT, Unit Rekod Perubatan

KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH
OKTOBER	4	83
NOVEMBER	3	77
DISEMBER	4	94
JUMLAH	11	254

PINT

Sumber: Umi Nadia Natasya, Pegawai Seranta, Unit Transfusi Darah

Risk comes from not knowing what you're doing.
Warren Buffett

4TH NATIONAL PRE-HOSPITAL CARE CHAMPIONSHIP 2022

Kejohanan Penjagaan Pra Hospital Kebangsaan telah menjadi satu acara gemilang bagi pasukan penjagaan pra hospital di Malaysia untuk mempamerkan kemahiran perubatan mereka dalam persekitaran hutan belantara sejak 2017. Setiap pasukan akan menunjukkan pengetahuan, ketahanan dan kepantasan terbaik untuk menyediakan penjagaan yang luar biasa untuk pesakit mereka dalam persekitaran yang sukar. Pada tahun ini, kejohanan ini telah diadakan pada 16 Oktober 2022 di White Resort Camp, Kampung Genting Dalam, Balik Pulau, Pulau Pinang. Hospital Tuaran dengan gabungan Jabatan Kecemasan Hospital Queen Elizabeth (HQE) dengan nama pasukan Borneo Eagle telah menghantar satu pasukan untuk sertai kejohanan ini bagi kategori *Advanced Care*. Diketuai oleh Jururawat Terlatih Norliza Mohammad Nusi bersama 3 Penolong Pegawai Perubatan iaitu Aaron David, Aqid Farjeet Farden Mohd Shah dan Mohd Basri Abdul Hari (HQE). Sebanyak 6 cabaran yang perlu ditempuh iaitu Cabaran Ketahanan Fizikal, Cabaran BLS (CPR) dewasa dan kanak-kanak, Cabaran Perawatan Perubatan Hutan (*Polytrauma*), Cabaran Ekstradisi Pesakit (Mobilisasi), Cabaran Perawatan Resusitasi (*Polytrauma* dan perubatan) dan Cabaran Pemindahan Pesakit ke Dalam Ambulans. Secara keseluruhan Borneo Eagle, telah berjaya melengkapkan semua cabaran dan telah mendapat tempat ke-23 daripada 90 pasukan dari seluruh Malaysia. Ini merupakan satu kejayaan bagi Borneo Eagle yang julung kali menyertai kejohanan ini. TAHNIAH diucapkan daripada seluruh warga Hospital Tuaran. Kejayaan ini tidak terhenti disitu apabila dua Penolong Pegawai Perubatan Hospital Tuaran telah tercalon dan menjalankan tugas sebagai Pengadil Acara iaitu Sufrie Shukor dan Jeles Musilim. Ini merupakan satu pengiktirafan individu dan Hospital Tuaran. Sesungguhnya, kami amat berbangga dengan kejayaan ini.



MAJLIS TANDATANGAN HSIP HOSPITAL TUARAN DAN SEDAFIAT TUARAN

Satu acara simbolik bagi menandakan pelancaran penggunaan *Hospital Specific Implementation Plan* (HSIP) yang dikemaskini mengikut keperluan hospital untuk tahun 2023. Ini bagi memastikan perkhidmatan sokongan hospital sentiasa dapat memberikan sokongan optimum kepada operasi-operasi di Hospital Tuaran demi kepentingan para pelanggan hospital. Dokumen-dokumen tersebut adalah bersifat dinamik dimana perubahan boleh dilakukan dengan persetujuan kedua belah pihak pada bila-bila masa mengikut keperluan semasa. Dr Muhammad Faiz Moideen mewakili Hospital Tuaran manakala Sedafiat diwakili oleh En Sabidol Kelo. Majlis ini telah diadakan pada 15 Disember 2022. Turut hadir bersama adalah Tn Hj. Tasim Hj. Taim, Penyelia Hospital, En. Timothy Thomas, Jurutera Operasi Hospital dan Matron Hayati Saidal, Penyelia Jururawat Hospital.



AKTIVITI EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Ekosistem Kondusif Sektor Awam merupakan satu aktiviti atau amalan yang perlu dilakukan bagi memastikan tempat kerja sentiasa selesa dan kondusif untuk melakukan kerja. Ini akan memastikan ruang kerja yang selamat bukan sahaja kepada petugas tetapi kepada pelawat yang datang. Hospital Tuaran yang telah ditauliah persijilan EKSA dari MAMPU sentiasa memastikan amalan EKSA diterapkan oleh setiap warga kerja. Selain daripada menjalankan audit, jawatankuasa Induk telah mengadakan Pertandingan Dalaman dan menerima lawatan luar daripada Bahagian Pergigian Kota Kinabalu.

Pertandingan Dalaman EKSA - 12 Oktober 2022



Lawatan Bahaqian Pergigian KK - 20 Oktober 2022



PENGARAH HOSPITAL BAHARU

Ybrs. Dr Muhammad Faiz bin Moideen akan menanggung kerja sebagai Pengarah Hospital sehingga Pengarah Hospital yang baharu melapor diri. Tanggung kerja ini adalah disebabkan Pengarah Hospital sementara sebelum ini iaitu Ybrs. Dr Clarence D. Sirisani telah menyambung pengajian. Pertukaran ini berkuatkuasa bermula dari 1 Disember 2022. Warga Hospital Tuaran mengucapkan selamat menjalankan tugas kepada Ybrs. Dr Muhammad Faiz bin Moideen.



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Kunjungan Silaturahmi MERCY Malaysia
(Sabah Chapter)
18 Oktober 2022



Taklimat Penempatan Sementara
Mesin CT Scan Bergerak
16 November 2022



Serah Tugas & Penghargaan kepada
Nazirah Zuman (Pegawai Dietetik)
18 Oktober 2022



Perhimpunan Pagi November
24 November 2022



Perhimpunan Pagi @Oktober Khas
(Maulidur Rasul)
26 Oktober 2022



Lawatan Penilaian Cadangan Pemasangan
Panel Solar
24 November 2022



Perarakan Maulidur Rasul Daerah Tuaran
(PERKIPS Tuaran)
29 Oktober 2022



CME & Hands-on Blood Culture
07 Disember 2022



Kempen Derma Darah bersama Persatuan
Hakka Daerah Tuaran dan WP Labuan
05 November 2022



Keterlibatan Hospital Tuaran dalam
Program Khatan Jamaie Daerah Tuaran
10 Disember 2022